

MAKLUMAN BERKAITAN PENGHANTARAN PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA & AKREDITASI PENUH

Seperti mana sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah dilaksanakan bermula 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020. Justeru itu, permohonan yang dijadualkan pada 13 Julai hingga 16 Julai 2020 (Isnin hingga Khamis) akan dibuka melalui kaedah penyerahan seperti biasa di kaunter Aras 4, Mercu MQA.

Masa operasi kaunter ditetapkan bermula 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Waktu rehat adalah pada pukul 1.00 petang hingga 2.00 petang (kaunter tutup). Wakil PPT adalah dimohon merancang perjalanan sewajarnya agar sampai ke MQA pada masa operasi kaunter.

Wakil PPT perlu mematuhi prosedur penyerahan seperti berikut:

- i. Kehadiran wakil PPT dihadkan maksimum 2 orang sahaja.
- ii. Setiap pelanggan perlu melengkapkan borang saringan kesihatan;
- iii. Setiap pelanggan diwajibkan memakai *face mask* dan *hand sanitizer*;
- iv. Pelanggan yang mempunyai simptom seperti demam, selsema dan batuk tidak dibenarkan menghantar dokumen;
- v. Pelanggan diwajibkan untuk membuat saringan suhu seawal kehadiran di premis MQA sebelum berurusan mengemukakan permohonan. Mereka yang mencatatkan suhu 37.5°C dan ke atas tidak dibenarkan membuat urusan selanjutnya;
- vi. Pelanggan diwajibkan mengamalkan penjarakan sosial dengan beratur mengikut tanda penjarakan 1 meter yang disediakan; dan
- vii. Hanya 4 pelanggan dihadkan berurusan di kaunter permohonan dalam satu-satu masa.

Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Pertanyaan lanjut atau khidmat nasihat khusus boleh disalurkan ke e-mel unitpendaftaran@mqa.gov.my